



KEMPEN CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2018

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

**BAYAR CUKAI TAKSIRAN ANDA SECARA
TANPA TUNAI DAN DAPATKAN REBAT**



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN BAYAR CUKAI TAKSIRAN ANDA SECARA TANPA TUNAI
DAN DAPATKAN REBAT**

TEMPOH KEMPEN

1. Kempen Bayar Cukai Taksiran Anda Secara Tanpa Tunai Dan Dapatkan Rebat bermula pada 01 Januari 2018 hingga 28 Februari 2018, termasuk kedua dua tarikh, melainkan dimaklumkan selainnya.

KELAYAKAN

1. Terbuka kepada semua pelanggan Majlis Daerah Hulu Selangor yang melunaskan cukai taksiran sepenuhnya secara tanpa tunai.
2. Pelanggan yang menerima pengecualian cukai taksiran daripada Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2018 dibenarkan menyertai kempen ini bagi pembayaran tunggakan sebelum tahun 2016 sahaja.
3. Walau apa pun yang dinyatakan dalam fasal 1 dan 2 di atas, Majlis Daerah Hulu Selangor berhak membatalkan kelayakan pelanggan untuk menyertai, atau terus menyertai, kempen tanpa sebarang kewajipan untuk memberi sebarang sebab.

SYARAT-SYARAT KEMPEN

1. Untuk menyertai kempen, pelanggan hendaklah membuat bayaran cukai taksiran secara tanpa tunai menggunakan kaedah-kaedah berikut :
 - a) Kad debit.
 - b) Kad kredit.
 - c) Perbankan internet.
 - d) Kiosk tanpa tunai Majlis Daerah Hulu Selangor.
 - e) Terminal bayaran mudah alih Majlis Daerah Hulu Selangor.
 - f) Bayaran tunai yang dibuat di mana-mana Pejabat Pos, Pejabat Tanah dan Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selain daripada Majlis Daerah Hulu Selangor.

CARA KEMPEN DIJALANKAN

1. Pelanggan hendaklah membuat bayaran penuh cukai taksiran seperti yang tertera pada bil. Pembayaran cukai taksiran untuk sepenggal melayakkan pemilik untuk mendapat rebat sebanyak RM3.00 dan pembayaran cukai taksiran untuk tempoh setahun melayakkan pemilik mendapat rebat sebanyak RM6.00.
2. Rebate akan dikreditkan ke dalam akaun harta masing-masing selepas tamat tempoh kempen, tertakluk kepada sebarang perubahan.

UMUM

Majlis Daerah Hulu Selangor berhak, pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu, untuk menambah, memansuhkan, menggantung atau mengubah terma dan syarat ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atas budi bicara mutlak Majlis Daerah Hulu Selangor dengan memaparkan notis umum di laman sesawang rasmi Majlis Daerah Hulu Selangor di www.mdhs.gov.my atau dalam sebarang cara lain yang mungkin ditentukan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor atas budi bicara mutlaknya.